

1802

MAHATHIR - WAKTU

(1)

OLEH ABDUL RAHMAN SULAIMAN

1981

KUALA LUMPUR, 26 OKT. (BERNAMA)—KERAJAAN BERCADANG MEMPERKENAL-
KAN SATU ZON WAKTU BERSAMA BAGI SELURUH NEGARA, UNTUK MERANGKUMI
DUA ZON WAKTU BERLAINAN YANG DIGUNAKAN DI SEMENANJUNG
DAN SARAH DAN SARAWAK SEKARANG.

KETIKA MENGUMUMKAN DEMIKIAN, PERDANA MENTERI DATUK SERI DR.
MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KESAN-KESAN DAN IMPLIKASI LANGKAH YANG DI-
CADANGKAN ITU SEDANG DIKAJI.

+WAKTU HANYA MERUPAKAN SATU PERKARA UNTUK DITENTUKAN SAHAJA
KERANA IA ADALAH SATU PERKARA REKAAN SAHAJA, + KATANYA DALAM TEMU
RAMAH KHAS SEMPENA 100 HARI BELIAU MEMEGANG JAWATAN PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERBEZAAN SEKARANG
ANTARA WAKTU SEMENANJUNG DENGAN WAKTU SABAH DAN SARAWAK BUKAN SAHAJA
SATU FAKTOR PEMBAHAGIAN, TETAPI JUGA TIDAK BEGITU TEPAT.

+BIASANYA ZON-ZON WAKTU DITETAPKAN PADA KADAR TIAP-TIAP
SEJAM MANAKALA ZON KITA TIDAK PADA SETIAP SETENGAH JAM, +
KATANYA. --BERSAMBUNG 2126/HM

8604

MAHATHIR - WAKTU & KUALA LUMPUR

DALAM HUBUNGAN INI, BELIAU BERKATA KERAJAAN MUNGKIN MENGGUNAKAN
WAKTU SABAH DAN SARAWAK UNTUK MENSERAGAMKAN WAKTU.

+TENTU SEKALI ADA ORANG YANG MERUNCUT MELEWAHI TERPAKSA
BANGUN LEBIH AWAL TETAPI SOALNYA BUKAN BANGUN LEBIH AWAL
TETAPI PERCI TIDUR LEBIH CEPAT. +

+BANGUN DARI TIDUR PADA PUKUL 6.30, 7 ATAU 8 PAGI ADALAH PERKARA
AMALAH SAHAJA, + TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ZON WAKTU YANG LEBIH AWAL
BERERTI ORANGRAMAI AKAN MEMPUNYAI LEBIH MASA WAKTU SIANG UNTUK
MENGENDALIKAN URUSAN MERKA.

+INI JUGA BERERTI MELEWAHI MEMPUNYAI LEBIH MASA UNTUK BERMAIN
GOLF, + KATANYA SECARA BERSELOROH.

MENGENAI SISTEM KAD PENENTU WAKTU BAGI KAKITANGAN KERAJAAN,
PERDANA MENTERI BERKATA SETIAP ORANG MENERIMANYA KERANA IA BUKAN
SAHAJA MENDISIPLIN TETAPI MENGAJAR KAKITANGAN KERAJAAN DATANG
BERTUGAS PADA WAKTU YANG DITETAPKAN. --BERNAMA 2130/HM

37